



KETOKOHAN DAN PENGARUH AL-BAZZAR DALAM ILMU HADITH: TINJAUAN TERHADAP MUSNAD AL-BAZZAR

(The Eminence and Influence of al-Bazzār in Hadith Studies: An Analytical Review of Musnad al-Bazzār)

Amir Asyraf Rushihi

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah

Abstract

This article examines the scholarly stature of al-Bazzār, a prominent scholar and thinker, and his influence on the development of an ethical and progressive society. The focus of this study is on al-Bazzār's authority and impact within the field of Hadith studies, particularly through an analytical exploration of his seminal work, Musnad al-Bazzār, which serves as a significant manifestation of his contributions to the advancement and consolidation of the Hadith discipline. Through an in-depth analysis of Musnad al-Bazzār, this research investigates the epistemological principles emphasized by al-Bazzār and evaluates their relevance in strengthening the tradition of Hadith scholarship, especially in addressing contemporary intellectual challenges. The study further highlights the significance of al-Bazzār's thought in formulating an approach grounded in critical reasoning, the ability to assess raw data, and an enduring intellectual legacy that underpins the construction of a dynamic and inclusive society. Employing a qualitative methodology based on content analysis, the study gathers data from both primary and secondary sources, including Hadith compilations, classical texts, books, scholarly articles, and academic papers. Data analysis is conducted descriptively to trace the scholarly contributions of al-Bazzār in the field of Hadith, particularly through his work Musnad al-Bazzār, and to assess his enduring influence as a source of reference in reinforcing the foundations of Islamic intellectual tradition towards cultivating a culture of critical and ethical scholarship.

Keywords: *al-Bazzār, Hadith scholarship, Hadith discourse, methodology and interpretation.*

Article Progress

Received: 20 February 2025
Revised: 17 March 2025
Accepted: 30 April 2025

*Corresponding Author:
Amir Asyraf Rushihi.

Fakulti Pengajian Islam dan
Sains Sosial, USAS.

Email:
amirasyraf@usas.edu.my

PENDAHULUAN

Abu Bakar al-Bazzar (m. 292 Hijrah) merupakan seorang tokoh hadith terkemuka yang memainkan peranan penting dalam pemeliharaan dan penyebaran ilmu hadith dalam tradisi Islam. Beliau dikenali sebagai ahli hadith yang cemerlang serta tekun dalam menyaring, meriwayatkan dan mengklasifikasikan hadith-hadith Nabi Muhammad SAW. Karya agung beliau, *Musnad al-Bazzar*, kekal sebagai antara rujukan utama dalam bidang hadith. Ketekunan dan komitmen al-Bazzar dalam memastikan ketulenan serta integriti ilmu hadith mencerminkan warisan intelektual yang tinggi nilainya. Dalam konteks kajian ilmu hadith, pendekatan metodologi dan prinsip keilmuan yang diketengahkan oleh al-Bazzar wajar diberi perhatian kerana ia menyumbang kepada pemantapan disiplin hadith serta memperkayakan wacana keilmuan Islam yang bersifat kritis dan berteraskan autoriti ilmiah.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif secara analisis kandungan. Data-data dikumpulkan menggunakan kaedah analisis dokumen primer dan sekunder menerusi pembacaan buku-buku, artikel, dan makalah ilmiah. Bahan rujukan utama penulis ialah kitab berkaitan ilmu hadith. Manakala, data analisis menggunakan metode deskriptif melalui analisis kandungan.

LATAR BELAKANG AL-BAZZAR

Nama dan Keturunan

Nama beliau ialah Abu Bakr Ahmad bin ‘Amr bin Abd al-Khaliq al-Bazzar al-‘Ataki al-Basri. Al-Bazzar ialah nisbah kepada seseorang yang mengeluarkan sari pati minyak dari bijian atau penjualnya. Al-‘Ataki pula ialah nisbah kepada al-‘Atik iaitu cucu kepada al-Azad yang merupakan keturunan langsung dari Sam bin Nuh AS seperti yang dinyatakan dalam salasilah berikut, ‘Atik bin al-Nadhr bin al-Azad bin al-Ghauth bin Nabt bin Malik bin Kahlan bin ‘Abir Ibn Syalikh bin Arfakhsyad bin Sam bin Nuh AS.¹ Menurut al-Zahabi (m. 748 Hijrah), al-Bazzar dilahirkan pada sekitar tahun 210 Hijrah,² manakala sarjana seperti Ibrahim Hasan Jamal mempunyai pendapat yang bebeza dengan menyatakan bahawa berkemungkinan al-Bazzar lahir lebih awal daripada tahun yang dinyatakan oleh al-Zahabi.³

Latar Tempat dan Aktiviti Keilmuan

Menurut Musa bin Harun al-Hammal (m. 294 Hijrah), penduduk Basrah lazimnya mula mempelajari dan menulis hadith sekitar usia mereka sepuluh tahun, berbeza dengan penduduk Kufah yang lazimnya sekitar usia dua puluh tahun dan penduduk Syam sekitar usia tiga puluh tahun.⁴ Justeru, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa al-Bazzar berkemungkinan mula menuntut ilmu sekitar 10 tahun selepas kelahirannya dan sempat bertemu dengan para sarjana hadith yang senior di kota Basrah. Basrah yang merupakan tempat al-Bazzar menetap itu merupakan sebuah bandar yang dikenali sebagai pusat keilmuan yang menghimpunkan para sarjana terkemuka beserta karya ilmiah mereka. Malah, zaman kehidupan al-Bazzar juga ialah zaman yang dikenali sebagai zaman keemasan bagi ilmu hadith yang menghasilkan sarjana besar di dalam agama seperti Ahmad bin Hanbal (m. 241 Hijrah), Ali bin al-Madini (m. 234 Hijrah), Yahya bin Ma’in (m. 233 Hijrah), al-Bukhari (m. 256 Hijrah), penulis kitab-kitab *sunan* dan *musnad* yang utama serta jaguh-jaguh hadith yang lain.

Pengaruh Keluarga dalam Pembentukan Sarjana Hadith

Al-Bazzar dikurniakan lingkungan keluarga yang juga merupakan ahli ilmu dan ianya menjadi asbab pendedahan awal al-Bazzar kepada majlis ilmu hadith dan periwayatannya. Bapa al-Bazzar bernama ‘Amr bin Abd al-Khaliq dan beliau merupakan salah seorang daripada *syuyukh* al-Bazzar yang disebutkan oleh beliau dalam kitab *Musnadnya*.⁵ Namun, pengkaji tidak menemui biodata ‘Amr bin Abd al-Khaliq ini secara terperinci di dalam mana-mana sumber berkenaan biodata para perawi hadith. Al-Bazzar menyebutkan bahawa bapanya itu telah mengambil periwayatan hadith dari seorang ahli hadith di Basrah bernama Abdullah bin Raja’ al-Ghudani yang dicatatkan wafat pada tahun 219 Hijrah.⁶ Bapa saudara al-Bazzar bernama Muhammad bin al-Fazr bin Uthman. Namanya disebut dalam karya Ibn Makula (m. 475 Hijrah) yang menghimpunkan nama tokoh-tokoh dalam dunia Islam.⁷ Adapun biodatanya secara terperinci sebagai perawi hadith, pengkaji tidak menemuinya dalam mana-mana kitab yang menghimpunkan biografi para perawi hadith.

¹ Al-Sam’ani, Abu Sa’ad Abd al-Karim bin Muhammad, (1962), *Al-Ansab*, Hyderabad: Majlis Daerat al-Ma’arif al-Uthmaniyah, c.1, j. 9, h. 227.

² Al-Zahabi, Syams al-Din Muhammad bin Ahmad bin Uthman, (1985), *Siyar A’lam al-Nubala*, Muassasah al-Risalah, c. 3, j. 13, h. 555.

³ Ibrahim bin Hasan Jamal, (2020), *Al-Imam al-Bazzar wa Manzilatuhu al-‘Ilmiyyah fi ‘Ulum al-Sunnah al-Nabawiyyah*, Al-Majallah al-‘Ilmiyyah li Kuliyyah Usuluddin wa al-Da’wah bi al-Zaqaziq, 32(1)209-248, h. 215.

⁴ ‘Uthman bin Abd al-Rahman, Abu Amr, Taqi al-Din al-Maruf bi-Ibn al-Salah. (2002). *Ma’rifat Anwa’ Ilm al-Hadith* (Abd al-Latif al-Humaym & Mahir Yasin al-Fahhal, Tahk.). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 248.

⁵ Abu Bakar al-Bazzar, (2009), *Musnad al-Bazzar*, Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam, c. 1, j. 2, h. 299.

⁶ Ibn al-Farra’, ‘Ubaidullah bin Ali bin Muhammad, (2011), *Tajrid al-Asma’ wa al-Kuna al-Mazkurah fi Kitab al-Muttafiq wa al-Muftariq li al-Khatib al-Baghdadi*, Yaman: Markaz al-Nu’mān lil Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah wa Tahqiq al-Turath wa al-Tarjamah, c. 1, j. 2, h. 12.

⁷ Ibn Makula, Ali bin Hibbatullah bin Ali, (1990), *al-Ikmal fi Raf’i al-Irtiyab ‘an al-Mu’talif wa alk-Mukhtalif fi al-Asma’ wa al-Kuna wa al-Ansab*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, c. 1, j. 7, h. 51.

Al-Bazzar memiliki seorang anak yang menyambung legasi beliau sebagai seorang sarjana hadith iaitu Abu al-‘Abbas Muhammad bin Ahmad bin ‘Amr bin Abd al-Khaliq al-Bazzar. Beliau telah mengambil ilmu dan periwayatan hadith daripada bapanya, Abu ‘Ulathah Muhammad bin ‘Amr bin Khalid al-Misri, al-Husein bin Ishak al-Tustari, Ahmad bin Muhammad bin Risydin dan lain-lain lagi.⁸ Abu al-‘Abbas al-Bazzar merupakan perawi yang berada pada *tabaqat* yang sama dengan al-Tabarani dan berkongsi *syuyukh* yang sama antaranya ialah Ahmad bin Muhammad bin Risydin. Di antara pelajar Abu al-‘Abbas al-Bazzar ialah al-Hafiz al-Daraqutni, Ibn Syahin, Abu Hasan al-Jarrahi dan lain-lain lagi. Beliau dinilai sebagai salah seorang perawi yang *thiqah* oleh al-Khatib al-Baghdadi (m. 463 Hijrah) dan al-Daraqutni (m. 385 Hijrah). Beliau wafat pada bulan Sya’ban tahun 339 Hijrah.⁹

Faktor pengaruh lingkungan keluarga yang berilmu merupakan salah satu elemen penting yang mempengaruhi pendedahan awal al-Bazzar kepada majlis ilmu hadith dan periwayatannya. Individu yang dibesarkan dalam keluarga yang mendalami ilmu agama sering kali terdedah kepada perbincangan ilmiah dan majlis ilmu sejak kecil, seperti yang dialami oleh al-Bazzar. Pendedahan awal ini telah membantu al-Bazzar mengembangkan minat serta kemahiran dalam ilmu hadith, sekali gus memotivasinya untuk mendalami periwayatan dan menyumbang kepada khazanah ilmu Islam. Keluarga yang berilmu bukan sahaja berfungsi sebagai teladan, tetapi turut menanamkan kecintaan terhadap ilmu agama serta memudahkan akses kepada ulama dan bahan ilmiah yang relevan. Kesenambungan nilai-nilai keluarga yang berilmu ini selari dengan prinsip beretika dan progresif yang menekankan kepentingan budaya ilmu pengetahuan serta penerimaan kepelbagaian pandangan dari pelbagai aspek. Pendekatan ini bertujuan untuk mencapai kemajuan yang holistik dan inklusif, sejajar dengan prinsip pengayaan intelektual dan perpaduan sosial.¹⁰

INOVASI DALAM PENULISAN KITAB GENRE *MUSNAD*

Penyusunan kitab hadith dalam genre *musnad* telah menjadi tradisi yang berlaku dalam kalangan sarjana hadith di zaman tersebut. Di antara yang masyhur ialah *Musnad al-Humaidi*, *Musnad Ibn al-Ja’d*, *Musnad Ibn Abi Syaibah*, *Musnad Ahmad bin Hanbal*, *Musnad al-Bazzar* dan lain-lain. Namun selangkah daripada itu, para sarjana hadith mula menggerakkan projek penambahbaikan terhadap karya genre *musnad* ini dengan menyusun riwayat hadith berkonsepkan perbincangan *‘ilal al-hadith* yang disebut sebagai *al-musnad al-mu’allal*. Menurut dapatan pengkaji berdasarkan rekod pensejarahan penulisan kitab-kitab genre *al-musnad al-mu’allal*, projek ini dimulakan oleh sarjana hadith sezaman dengan al-Bazzar iaitu Ya’qub Ibn Abi Syaibah (m. 262 Hijrah) di dalam *musnadnya* yang disebut *al-Musnad al-Kabir al-Mu’allal* atau *Musnad Ibn Abi Syaibah* (m. 262 Hijrah).

Namun malangnya penulisan beliau telah hilang dari radar akademik pada zaman ini melainkan yang tinggal hanyalah beberapa juzuk kecil daripada topik *Musnad Amir al-Mu’minin Umar bin al-Khattab RA*. Hal ini berikutan Ya’qub Ibn Abi Syaibah (m. 262 Hijrah) telah terpalit dengan kontroversi polemik *Mihnah Khalq al-Quran* di zamannya. Oleh kerana beliau memilih untuk mengambil sikap *al-tawaqquf*¹¹ dalam isu tersebut, maka para sarjana hadith di zaman itu seperti Ahmad bin Hanbal (m. 241 Hijrah) telah memberikan peringatan kepada ahli ilmu dan umat Islam agar berhati-hati dengannya. Para sarjana hadith pada zaman itu berpendapat bahawa barangsiapa yang mengambil sikap *al-tawaqquf* dalam isu *Mihnah Khalq al-Quran*, maka dia ialah seorang Jahmiyyah atau telah jatuh kufur.¹² Kesan daripada itu, tidak mustahil Ibn Abi Syaibah telah diboikot periwayatannya oleh kebanyakan ahli hadith dan warisan keilmuannya tidak giat disebar dan didiskusikan ke capaian yang lebih jauh seperti yang

⁸ Ibn Qatlubagha, Abu al-Fida’ Zain al-Din Qasim, (2011), *Al-Thiqat Mimman Lam Yaq’u Fi Al-Kutub Al-Sittah*, Yaman: Markaz al-Nu’man lil Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah wa Tahqiq al-Turath wa al-Tarjamah, c. 1, j. 8, h. 139

⁹ Al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakar Ahmad bin Ali, (2002), *Tarikh Baghdad*, Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiy, c. 1, j. 2, h. 176

¹⁰ Malaysia Madani. (n.d.). Pengenalan Malaysia Madani. <https://malaysiamadani.gov.my/pengenalan/>

¹¹ Al-Waqf ialah berdiam diri dari menyatakan pendapat sama ada al-Quran itu makhluk atau bukan makhluk.

¹² Al-Lalaka’i, Hibbatullah bin al-Hasan bin Mansur, (2003), *Syarh Usul I’tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah*, Saudi: Dar Tayyibah, c. 8, j. 2, h. 358.

berlaku kepada Ishak bin Abi Israil (m. 245 Hijrah) yang juga mengambil sikap *al-waqq* dalam polemik tersebut.¹³ Hal tersebut berbeza dengan al-Bazzar. Pengkaji tidak menemui rekod penglibatan beliau dalam polemik tersebut dan beliau tidak dikritik berkenaan akidahnya. Justeru, warisan keilmuan al-Bazzar terpelihara dengan baik kerana pelajarnya dalam kalangan ahli hadith di zaman itu bergiat aktif dalam memanfaatkan penulisannya dan sebahagiannya mewarisi kepakarannya.

Al-Bazzar telah melakukan beberapa inovasi yang berbeza daripada penulisan genre *musnad* sebelumnya. Pertama, beliau telah menyusun hadith-hadith yang mempunyai *'ilal* dalam bentuk yang lebih sistematik, iaitu berdasarkan susunan nama para sahabat, nama perawi yang meriwayatkan daripada seseorang sahabat, serta kategori *buldan* perawi. Inovasi yang diperkenalkan oleh beliau telah memudahkan para pengkaji hadith untuk mengenal pasti elemen *gharib* dan *tafarrud* dalam sesuatu riwayat, serta menentukan pada *tabaqat* manakah kesilapan itu dikenalpasti berlaku. Kedua, beliau telah menonjolkan bahawa elemen *gharib*¹⁴ dan *al-tafarrud* merupakan antara isyarat dan petanda *'ilal al-hadith* dan ianya merupakan jenis hadith yang dikategorikan sebagai daif. Hal ini kerana, di zaman beliau sebahagian peminat hadith dilihat terlalu gigih dan bersungguh-sungguh serta berbangga mengumpulkan riwayat yang mempunyai elemen *gharib* dan *al-tafarrud*¹⁵ sehingga perkara itu mendapat kritikan daripada ramai sarjana hadith seperti Malik bin Anas (m. 179 Hijrah), Abd al-Razak al-San'ani (m. 211 Hijrah) dan Ahmad bin Hanbal (m. 241 Hijrah).¹⁶

Ketiga, beliau telah menonjolkan kajiannya yang merangkumi kaedah *jam'u al-turuq* dan *al-muqaranah* untuk mengesan keberadaan *'ilal al-hadith* tanpa memasukkan kenyataan daripada sarjana lain yang menyokong pendapat beliau melainkan sedikit sahaja. Pendekatan ini mencerminkan sikap yang menekankan keutuhan intelektual dan kebergantungan kepada prinsip-prinsip kebenaran serta ketelusan dalam menegakkan ilmu. Dengan memberikan fokus kepada nilai kritis dan penyaringan ilmu yang sahih, usaha beliau selari dengan matlamat memperkukuh amalan keilmuan yang mengutamakan integriti, keluhuran ilmu, serta pemikiran yang berasaskan fakta dan analisis mendalam.

LEGASI INTELEKTUAL DALAM MEMPERKAYA WACANA HADITH

Berdasarkan maklumat yang didapati daripada Ibn Khair al-Isybili (m. 575 Hijrah) dalam karya daftar kitabnya iaitu *Fihrisat Ibn Khair al-Isybili*, sanad periwayatan *Musnad al-Bazzar* yang dimilikinya bersambung kepada tokoh sarjana hadith di Mesir bernama Muhammad Ibn Ayyub bin Habib al-Raqi al-Somut (m. 341 Hijrah) dan Abu al-Abbas Ahmad bin al-Hasan bin 'Utbah al-Razi (m. 357 Hijrah) yang kedua-duanya merupakan pelajar kepada al-Bazzar.¹⁷ Muhammad Ibn Ayyub bin Habib al-Raqi al-Somut (m. 341 Hijrah) mempunyai ramai pelajar yang masyhur dalam kalangan sarjana hadith di antaranya ialah penulis *Mu'jam al-Syuyukh* iaitu Ibn Jumai' al-Sodawi (m. 402 Hijrah), sarjana hadith dari Andalus bernama al-Qadhi Abu Bakr Muhammad bin Yahya bin Mufarrij atau lebih dikenali dengan Ibn Mufarrij al-Qadhi (m. 380 Hijrah) dan sarjana hadith dari Mesir bernama Ibn al-Sakan Sa'id bin Uthman al-Misri (m. 353 Hijrah) yang menulis karya *al-Sahih al-Muntaqa* dan lain-lain. Abu al-Abbas Ahmad bin al-Hasan bin 'Utbah al-Razi (m. 357 Hijrah) juga mempunyai ramai pelajar yang masyhur dalam kalangan sarjana hadith di antaranya ialah penulis *Ma'rifat al-Sahabah* iaitu Ibn Mandah (m. 395 Hijrah), penulis *Tarikh Asbahan* iaitu Abu Nu'aim al-Asbahani (m. 430 Hijrah), tokoh *musnid* di Mesir iaitu Abu Abdillah al-Farra' (m. 431 Hijrah) dan lain-lain.

¹³ Ibn Abi Hatim, Abd al-Rahman bin Muhammad, (1952), *Al-Jarh wa al-Ta'dil*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, c. 1., j. 2, h. 210.

¹⁴ Gharib: Merujuk kepada hadith yang hanya diriwayatkan oleh seorang perawi dalam satu peringkat perawi, atau hadith yang jarang ditemui dalam kalangan perawi-perawi yang lain.

¹⁵ Al-Tafarrud: Merujuk kepada keadaan di mana seorang perawi tunggal meriwayatkan sesuatu hadith yang tidak diriwayatkan oleh perawi lain dalam rangkaian periwayatan yang sama, yang boleh menimbulkan keraguan tentang kesahihan hadith tersebut.

¹⁶ Al-Tamimi al-Samani al-Marwazi, Abd al-Karim bin Muhammad bin Mansur, Abu Sad. (1981). *Adab al-Imla' wa al-Istimla'* (Maks Faisfaylar, Tahk.). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

¹⁷ Ibn Khair al-Isybili, Muhammad bin Khair bin Umar, (1998), *Fihrisat Ibn Khair al-Isybili*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, c. 1, h. 116.

Selain itu, direkodkan oleh salah seorang pelajar al-Bazzar yang juga merupakan tokoh hadith yang masyhur di Asbahan iaitu Abu al-Syeikh al-Asbahani (m. 369 Hijrah) bahawa para sarjana hadith bertaraf *hafiz* di Baghdad telah datang bertemu dengan al-Bazzar untuk mengambil dan menulis periwayatan hadith daripada al-Bazzar.¹⁸ Al-Zahabi (m. 748 Hijrah) pula menyebutkan bahawa di antara sarjana hadith yang menyampaikan periwayatan daripada al-Bazzar secara *imla'* kepada ahli hadith pada kurun kelima ialah Abu Said al-Nuqqash (m. 414 Hijrah). Direkodkan bahawa Abu Said al-Nuqqash (m. 414 Hijrah) telah mengambil periwayatan hadith-hadith al-Bazzar daripada 20 orang pelajar al-Bazzar. Beliau kemudiannya bergiat aktif pada usia emasnya melakukan kembara ke Asbahan, Mesir, Baghdad, Mekah dan Ramlah untuk menyampaikan ilmu dan meriwayatkan hadith-hadith Nabi SAW.¹⁹

Pada kurun keempat Hijrah, di antara sarjana hadith yang memberikan perhatian kepada *Musnad al-Bazzar* ialah pelajar beliau sendiri iaitu Abu al-Qasim Sulaiman bin Ahmad al-Tabarani (m. 360 Hijrah) di dalam 3 karya genre *al-mu'jam* iaitu *Mu'jam al-Kabir*, *al-Awsat* dan *al-Saghir*. Di dalam karyanya *Mu'jam al-Awsat*, al-Tabarani telah mencurahkan perhatian yang lebih mendalam kerana beliau telah mengkhususkan hanya riwayat yang mempunyai elemen '*illah al-tafarrud* seperti riwayat yang *gharib* dan nadir sahaja sehingga al-Tabarani mengatakan, "kitab ini ialah rohku.." sebagai gambaran usahanya yang bertungkus-lumus dalam penyusunan kitab tersebut.²⁰ Karya beliau ini ialah satu manifestasi yang jelas bahawa beliau mewarisi kepakaran dan metodologi al-Bazzar dalam seni '*ilal al-hadith*.

Selanjutnya legasi ini diteruskan oleh sarjana hadith bertaraf *nuqqad al-hadith*²¹ iaitu Abu al-Hasan al-Daraqutni (m. 385 Hijrah) di dalam karyanya *al-'Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah* dan *al-Afrad*. Menurut Aizul, al-Daraqutni (m. 385 Hijrah) telah menggunakan sebanyak 68 buah karya penulisan hadith termasuk *Musnad al-Bazzar* dalam menghasilkan karya *al-'Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*. Justeru, tidak hairanlah karyanya ini diletakkan sebaris dengan kedudukan kitab *al-Musnad al-Mu'allal* yang telah ditulis sebelumnya.²² Direkodkan juga bahawa al-Daraqutni pernah mengambil periwayatan hadith daripada anak al-Bazzar bernama Muhammad bin Ahmad bin 'Amr bin Abd al-Khaliq al-Bazzar. Beliau juga mengambil periwayatan al-Bazzar melalui Muhammad bin Abdillah bin Zakariya al-Nisaburi di Mesir.²³ Sezaman dengan al-Daraqutni (m. 385 Hijrah) di antara sarjana hadith yang turut sama memeriahkan penghasilan karya riwayat *al-tafarrud* ialah Ibn Syahin Umar bin Ahmad bin Uthman (m. 385 Hijrah) dengan karyanya berjudul *al-Afrad*. Direkodkan bahawa Ibn Syahin (m. 385 Hijrah) pernah menerima periwayatan daripada pelajar al-Bazzar bernama Muhammad Ibn Ayyub bin Habib al-Raqi al-Somut (m. 341 Hijrah) di Mesir.²⁴

Pada kurun kelima Hijrah, di antara sarjana hadith yang memberikan perhatian kepada *Musnad al-Bazzar* ialah tokoh sarjana hadith di Asbahan iaitu Abu Nu'aim al-Asbahani (m. 430 Hijrah). Beliau telah menerima periwayatan *Musnad al-Bazzar* daripada tokoh-tokoh sarjana hadith di Asbahan yang merupakan pelajar kepada al-Bazzar antaranya ialah Abu al-Syeikh al-Asbahani (m. 369 Hijrah).²⁵ Direkodkan bahawa Abu Nu'aim al-Asbahani (m. 430 Hijrah) telah mempelajari riwayat-riwayat al-

¹⁸ Abu al-Syeikh al-Asbahani, (1992), *Tabaqat al-Muhaddithin bi Asbahan wa al-Waridin 'alaiha*, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, c.2, j. 3, h. 386.

¹⁹ Al-Zhahabi, Syams al-Din Abu Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Uthman bin Qaymaz. (1985). *Siyar A'lam al-Nubala*, Beirut: Muassasah al-Risalah, c. 3, j. 13, h. 555.

²⁰ Al-Dhahabi, Syams al-Din Abu Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Uthman bin Qaymaz. (1998). *Tadhkirat al-Huffaz* (Cet. 1). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, j. 3, h. 85.

²¹ Nuqqad al-Hadith: Pengkritik hadith yang menilai kredibiliti perawi dengan mengkaji maklumat perawi dan membandingkan hadis untuk memastikan keautentikan hadis.

²² Mohd Aizul bin Yaakob, (2020), Manhaj Penentuan 'Illah Terhadap Periwayatan Hadith Secara al-Tafarrud oleh al-Daraqutni Dalam al-'Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah, Tesis Ph.D USM, h. 304.

²³ Abu al-Tayyib Nayif bin Salah, (2007), al-Dalil al-Mughni li Syuyukh al-Imam Abi al-Hasan al-Daraqutni, Saudi: Dar al-Kayan li al-Nasyr wa al-Tawzi', c. 1, h. 345.

²⁴ Ibn Syahin Umar bin Ahmad bin Uthman, (1994), *al-Juz' al-Khamis min al-Afrad*, Kuwait: Dar Ibn al-Athir, c. 1, h. 1.

²⁵ Abu Nu'aim al-Asbahani, Ahmad bin Abdillah bin Ahmad, (1990), *Tarikh Asbahan*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, c. 1.

Bazzar daripada Abu al-Syeikh al-Asbahani (m. 369 Hijrah). Selain itu, beliau juga turut menerima periwayatan al-Bazzar daripada tokoh *musnid* di Asbahan bernama Abu Abdillah Ahmad bin Bundar (m. 359 Hijrah), tokoh sarjana hadith terkenal Abu al-Qasim Sulaiman bin Ahmad al-Tabarani (m. 360 Hijrah) dan lain-lain.

Di sebelah Andalus pula, di antara sarjana hadith yang memberikan perhatian kepada *Musnad al-Bazzar* ialah Ibn Hazm al-Andalusi (m. 456 Hijrah) di dalam karyanya berjudul *al-Muhalla bi al-Athar* dan *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Pengkaji mendapati Ibn Hazm (m. 456 Hijrah) mendapatkan sanad periwayatan *Musnad al-Bazzar* daripada sarjana hadith di Andalus iaitu al-Syeikh al-Imam Abu 'Amr Ahmad bin Muhammad bin Abdillah al-Talamanki al-Muqri' al-Andalusi (m. 429 Hijrah) dan bersambung kepada Ibn Mufarrij al-Qadhi (m. 380 Hijrah) seterusnya kepada pelajar al-Bazzar bernama Muhammad Ibn Ayyub bin Habib al-Raqqi al-Somut (m. 341 Hijrah).²⁶

Selanjutnya ialah Ibn Abd al-Barr al-Andalusi (m. 463 Hijrah) yang memanfaatkan periwayatan daripada *Musnad al-Bazzar* di dalam karyanya seperti *al-Tamhid li ma fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*, *al-Istizkar*, *al-Intiqah fi Fadail al-Thalathah al-A'imma al-Fuqaha' Malik wa al-Syafie wa Abi Hanifah Radiyallahu 'anhum*, *Jami' Bayan al-Ilmi wa Fadlih* dan lain-lain. Pengkaji mendapati Ibn Abd al-Barr (m. 463 Hijrah) mendapatkan sanad periwayatan *Musnad al-Bazzar* daripada sarjana hadith bernama Ibn Abi al-Qaramid Abu Abdillah Muhammad bin Ibrahim bin Said dan Abu Ishak Ibrahim bin Syakir. Kedua-dua mereka bertemu jalur periwayatan sanad kepada Muhammad Ibn Ayyub bin Habib al-Raqqi al-Somut (m. 341 Hijrah) daripada al-Bazzar.²⁷

Seterusnya ialah Abd al-Haq al-Isybili atau dikenali sebagai Ibn al-Kharrat (m. 581 Hijrah) yang memanfaatkan periwayatan daripada *Musnad al-Bazzar* di dalam karyanya seperti di dalam siri penulisan karya hadith hukum iaitu *al-Ahkam al-Kubra*, *al-Wusta* dan *al-Sughra*, *al-Aqibah fi Zikr al-Maut* dan *al-Jam'u baina al-Sahihain*. Pengkaji mendapati Abd al-Haq al-Isybili (m. 581 Hijrah) mendapatkan sanad periwayatan *Musnad al-Bazzar* daripada sarjana hadith bernama Ahmad Ibn Abi Marwan Abd al-Malik bin Muhammad al-Ansari al-Isybili (m. 549 Hijrah) yang bersambung salasilah ilmu kepada Ibn Hazm al-Andalusi (m. 456 Hijrah).²⁸ Begitu juga sarjana hadith yang melakukan kritikan kepada tiga siri karya hadith hukum Abd al-Haq al-Isybili (m. 581 Hijrah) yang dikenal dengan Ibn al-Qattan al-Fasi (m. 628 Hijrah) di dalam karyanya berjudul *Bayan al-Wahm wa al-Iham fi Kitab al-Ahkam*. Di dalam karya penulisannya, beliau banyak menukilkan riwayat hadith daripada al-Bazzar dan memberikan komentar yang kritis Berdasarkan maklumat daripada Idris al-Somadi, Ibn al-Qattan al-Fasi (m. 628 Hijrah) menekuni ilmu hadith *riwayah* dan *dirayah* di Marrakesh daripada para sarjana hadith yang digelar al-Hafiz seperti Abu Bakar bin Khalaf al-Ansari al-Qurtubi, Abu Abdillah al-Fakhkhari (m. 590 Hijrah), Abu Abdillah Muhammad bin Abd al-Rahman al-Mursi dan lain-lain lagi.²⁹

Pada kurun ke-9 Hijrah, perhatian terhadap *Musnad al-Bazzar* diteruskan oleh Nur al-Din al-Haythami (m. 807 Hijrah) dengan penghasilan dua karya beliau iaitu *Majma' al-Zawaid* dan *Kasyf al-Astar 'an Zawaid al-Bazzar*. Pada bahagian pendahuluan kitab *Majma' al-Zawaid* beliau telah menyertakan sanad periwayatan kitab *Musnad al-Bazzar* yang diterimanya daripada dua orang sarjana hadith di zamannya. Sanad pertama ialah daripada Abu Umar Abd al-Aziz bin Muhammad bin Ibrahim bin Jama'ah (m. 876 Hijrah) dengan sanad yang bersambung melalui jalur para sarjana hadith di Maghribi sehingga kepada Ibn Mufarrij al-Qadhi (m. 380 Hijrah) dan seterusnya kepada pelajar al-Bazzar bernama Muhammad Ibn Ayyub bin Habib al-Raqqi al-Somut (m. 341 Hijrah). Sanad kedua ialah sanad yang lebih tinggi dan ringkas yang beliau terima melalui Muhammad bin Muhammad bin Ibrahim al-Maidumi al-Misri (m. 754 Hijrah) yang bersambung kepada Abu al-Hasan Ali bin Ahmad daripada Abu al-Hajjaj al-Fihri

²⁶ Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali bin Ahmad bin Sa'id bin Hazm al-Andalusi al-Qurtubi, *al-Muhalla bi al-Athar*, Beirut: Dar al-Fikr, t.t.

²⁷ Ibn Abd al-Barr, Yusuf bin Abdillah bin Muhammad, (1967), *al-Tamhid li ma fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*, Maghribi: Kementerian Waqaf dan Urusan Islam Umum, (t.t.), j. 1, h. 220.

²⁸ Ahmad ibn Yahya ibn Ahmad ibn Umayrah, Abu Jaafar al-Dabbi. (1967). *Bughyat al-Multamis fi Tarikh Rijal Ahl al-Andalus* (ed. Dar al-Katib al-Arabi). Kaherah: Dar al-Katib al-Arabi, h. 318.

²⁹ Ibn al-Qattan al-Fasi, Ali bin Muhammad bin Abdul Malik, (2012), *Ihkam al-Nazar fi Ahkam al-Nazar bi Hassat al-Basar*, Damsyik: Dar al-Qalam, c. 1, h. 27

(m. 516 Hijrah) dan para sarjana hadith di Maghribi sehingga kepada Ibn Mufarrij al-Qadhi (m. 380 Hijrah) dan seterusnya kepada pelajar al-Bazzar bernama Muhammad Ibn Ayyub bin Habib al-Raqqi al-Somut (m. 341 Hijrah).³⁰

Beliau memberi impak yang signifikan terhadap perkembangan ilmu *'ilal al-hadith* melalui kegiatan aktif muridnya. Sumbangan beliau bukan sahaja memastikan kesinambungan ilmu, tetapi juga mencerminkan asas penting dalam pembangunan masyarakat yang dinamik dan inklusif. Melalui pendidikan kepada generasi pelapis yang mampu memperkembangkan ilmu dan mengaplikasikannya secara kritis, beliau berperanan besar dalam membina komuniti intelektual yang terbuka kepada pembaharuan, namun tetap berpaksikan prinsip-prinsip Islam yang kukuh. Ini selari dengan aspirasi negara yang menekankan pembangunan masyarakat yang inklusif dan progresif, di mana ilmu dijadikan asas untuk mencipta keseimbangan antara tradisi dan inovasi dalam pembinaan negara yang maju dan harmoni.³¹

KESIMPULAN

Kesimpulannya, ketokohan al-Bazzar dalam bidang ilmu hadith sangat besar, terutamanya melalui karyanya, Musnad al-Bazzar yang memberikan sumbangan penting dalam pengumpulan, penyusunan, penyaringan dan penjelasan hadith. Al-Bazzar lahir dalam keluarga yang berilmu, memberi pengaruh besar kepada pembentukan kariernya sebagai sarjana hadith. Inovasi beliau dalam menyusun hadith berdasarkan konsep *'ilal al-hadith* menonjolkan pendekatan kritikal dalam penilaian hadith yang berbeza daripada sarjana sebelumnya. Legasi intelektual beliau terus memberi pengaruh kepada pengkaji dan sarjana hadith berikutnya, termasuk tokoh terkenal seperti al-Tabarani, al-Daraqutni, dan Ibn Hazm. Pengaruh beliau bukan sahaja memberi sumbangan besar dalam ilmu hadith, tetapi juga dalam membentuk pemikiran kritis yang relevan dalam menghadapi cabaran keserjanaan akademik di era globalisasi dan teknologi masa kini. Sebagai cadangan untuk kajian lanjutan, adalah penting untuk mengkaji lebih mendalam tentang pengaruh metodologi penilaian hadith al-Bazzar dalam kalangan sarjana hadith kontemporari dan bagaimana ia dapat diterapkan dalam konteks semasa untuk memperkaya disiplin ilmu hadith serta meningkatkan kredibiliti penyelidikan dalam bidang ini.

³⁰ Al-Haythami, Nur al-Din Ali bin Abi Bakr, (1994), *Majma' al-Zawaid*, Kaherah: Maktabah al-Qudsi, t.t., j. 1, h. 10.

³¹ Malaysia Madani. (n.d.). Pengenalan MalaysiaMadani. <https://malaysiamadani.gov.my/pengenalan/>

RUJUKAN

- Al-Asbahani, A.A. (1992). *Tabaqat al-Muhaddithin bi Asbahan wa al-Waridin 'alaiha* (Vol. 2). Mu'assasah al-Risalah.
- Abu al-Tayyib Nayif bin Salah. (2007). *Al-Dalil al-Mughni li Syuyukh al-Imam Abi al-Hasan al-Daraqutni* (Vol. 1). Dar al-Kayan li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Abu Bakar al-Bazzar. (2009). *Musnad al-Bazzar* (Vol. 1). Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Abu Nu'aim al-Asbahani, A. B. A. (1990). *Tarikh Asbahan* (Vol. 1). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Haythami, N. A. B. A. (1994). *Majma' al-Zawaid*. Maktabah al-Qudsi.
- Al-Khatib al-Baghdadi, A. A. B. A. (2002). *Tarikh Baghdad* (Vol. 1). Dar al-Gharb al-Islamiy.
- Al-Lalaka'i, H. B. A. B. M. (2003). *Syarh Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (Vol. 8). Dar Tayyibah.
- Al-Sam'ani, A. S. A. K. B. M. (1962). *Al-Ansab* (Vol. 1). Majlis Daerat al-Ma'arif al-Uthmaniyah.
- Al-Zahabi, M. B. A. B. U. (1998). *Tazkirat al-Huffaz* (Vol. 1). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zahabi, M. B. A. B. U. (2006). *Siyar A'lam al-Nubala'*. Dar al-Hadith.
- Al-Zahabi, S. D. M. B. A. B. U. (1985). *Siyar A'lam al-Nubala'* (Vol. 3). Mu'assasah al-Risalah.
- Harapan Madani. (t.t.). *Pemikiran masyarakat terbuka perkasa persekitaran progresif pragmatik*. Diambil daripada <https://harapanmadani.com/pemikiran-masyarakat-terbuka-perkasa-persekitaran-progresif-pragmatik/>
- Ibn Abd al-Barr, Y. B. A. B. M. (1967). *Al-Tamhid li ma fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*. Kementerian Waqaf dan Urusan Islam Umum.
- Ibn Abi Hatim, A. B. M. (1952). *Al-Jarh wa al-Ta'dil* (Vol. 1). Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Ibn al-Farra', U. B. A. B. M. (2011). *Tajrid al-Asma' wa al-Kuna al-Mazkurah fi Kitab al-Muttafiq wa al-Muftariq li al-Khatib al-Baghdadi* (Vol. 1). Markaz al-Nu'man lil Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah wa Tahqiq al-Turath wa al-Tarjamah.
- Ibn al-Qattan al-Fasi, A. B. M. B. A. M. (2012). *Ihkam al-Nazar fi Ahkam al-Nazar bi Hassat al-Basar* (Vol. 1). Dar al-Qalam.
- Ibn al-Salah, U. I. A. (1986). *Ma'rifah Anwa' 'Ulum al-Hadith* (N. al-Din 'Itr, Ed.). Dar al-Fikr.
- Ibn Hazm, A. M. A. B. A. B. S. B. H. A.-Q. (t.t.). *Al-Muhalla bi al-Athar*. Dar al-Fikr.
- Ibn Khair al-Isybili, M. B. K. B. U. (1998). *Fihrisat Ibn Khair al-Isybili* (Vol. 1). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Makula, A. B. H. B. A. (1990). *Al-Ikmal fi Raf'i al-Irtiyab 'an al-Mu'talif wa al-Mukhtalif fi al-Asma' wa al-Kuna wa al-Ansab* (Vol. 1). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qatlubagha, A. F. Z. D. Q. (2011). *Al-Thiqat Mimman Lam Yaq'u Fi al-Kutub al-Sittah* (Vol. 1). Markaz al-Nu'man lil Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah wa Tahqiq al-Turath wa al-Tarjamah.
- Ibn Syahin, U. B. A. B. U. (1994). *Al-Juz' al-Khamis min al-Afrad* (Vol. 1). Dar Ibn al-Athir.

Ibrahim bin Hasan Jamal. (2020). Al-Imam al-Bazzar wa manzilatuhu al-‘ilmiyyah fi ‘ulum al-Sunnah al-Nabawiyyah. Al-Majallah al-‘Ilmiyyah li Kuliyyah Usuluddin wa al-Da’wah bi al-Zaqaziq, 32(1), 209–248.

Malaysia Madani. (t.t.). Pengenalan Malaysia Madani. Diambil daripada <https://malaysiamadani.gov.my/pengenalan/>

Mohd Aizul bin Yaakob. (2020). Manhaj penentuan ‘illah terhadap periwayatan hadith secara al-tafarrud oleh al-Daraqutni dalam al-‘Ilal al-waridah fi al-ahadith al-nabawiyyah (Tesis Ph.D., Universiti Sains Malaysia).

Tamimi al-Sam‘ani, A. K. M. ibn M., & Weissweiler, M. (1981). Adab al-Imlā’ wa al-Istimlā’ (1st ed.). Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.